

01/11/2001

PM hadiri Sidang Kemuncak Asean ke-7 5 November

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-7 di sini pada 5-6 November ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Dr Mahathir yang akan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga akan menghadiri persidangan Asean 3 serta Asean 1 dengan China, Jepun dan Korea.

Turut serta dalam delegasi Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan pegawai kanan daripada beberapa agensi kerajaan berkaitan.

Ketika di sini, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam yang dihoskan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, untuk ketua-ketua negara Asean pada 4 November.

Keesokan harinya, beliau akan menghadiri Sidang Kemuncak Asean, diikuti jamuan tengah hari dengan pemimpin Asean 3 dan persidangan Asean 3.

Sementara pada 6 November, Perdana Menteri akan menghadiri persidangan Asean 1 dengan China, Jepun dan Korea.

Menurut kenyataan itu, Perdana Menteri juga akan mengambil peluang mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin kerajaan yang menghadiri persidangan itu.

Sidang kemuncak ini memberi peluang kepada pemimpin Asean meneliti kemajuan program kerjasama di kalangan negara anggota selepas Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ke-4 Asean di Singapura, November tahun lalu.

(END)